SK Teknologi, Proserv tawar teknologi bawah tanah

Anak syarikat milik penuh SapuraKencana Petroleum Bhd, SapuraKencana Technology Sdn Bhd (SK Teknologi) dan syarikat perkhidmatan teknologi berpangkalan di United Kingdom, Proserv, bergabung tenaga bagi menawarkan perkhidmatan teknologi yang dipertingkatkan kepada pelanggan di Asia Pasifik.

Kedua-dua syarikat itu akan bersama-sama menyediakan pelbagai perkhidmatan merangkumi sektor pasaran penggerudian, pengeluaran, penyelenggaraan dan penyahtauliahan dengan tumpuan ke atas perkhidmatan pengeluaran bawah laut dan penyelenggaraan, kata SapuraKencana dalam satu kenyataan, semalam.

SK Technology dan Proserv akan memanfaatkan aset, kepakaran, teknologi dan infrastruktur serantau masing-masing untuk menawarkan penyelesaian yang inovatif kepada pelanggan, tambahnya lagi.

Membantu pelanggan

"Perkongsian berkenaan akan memanfaatkan kekuatan bersama iaitu peralatan dan kawalan pengeluaran bawah laut termaju daripada Proserv manakala sokongan teknikal, sumber dan aset daripada SK Tekologi bagi mendapatkan sokongan lebih baik dan mempertingkatkan projek pelanggan," kata SapuraKencana.

Naib Presiden Kanan Pembelian Perniagaan SapuraKencana, Vivek Arora, berkata ia juga akan membantu pelanggan mencari cara yang lebih bijak untuk menghadapi keadaan berikutan perubahan persekitaran minyak dan gas pada masa ini dengan penyelesaian untuk mempertingkat kecekapan dan pengurusan keusangan aset.

Katanya, perkongsian dengan Proserv membolehkan kumpulan memperkukuh kepelbagaian rangkaian perkhidmatannya kepada pelanggan, khususnya dalam perkhidmatan operasi dan penyelenggaraan.

"Perkongsian ini membolehkan kami terus mempertingkatkan tawaran kami kepada pelanggan khususnya dalam sektor perkhidmatan bawah laut, di samping terus mengembangkan kewujudan kami di Malaysia dan seluruh rantau Asia Pasifik," kata Ketua Pegawai Eksekutif Proserv, David Lamont.

BERNAMA

> Perkongsian ini membolehkan kami terus mempertingkatkan tawaran kami kepada pelanggan khususnya dalam sektor perkhidmatan bawah laut"
>
> ***Vivek Arora,***
> *Naib Presiden Kanan Pembelian Perniagaan SapuraKencana*

[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH]

Samson (kiri) dan Mohamed Yasser (dua dari kanan) pada majlis pelancaran kereta baharu *Peugeot 208 Puretech dan SUV Peugeot 2008 Puretech di Petaling Jaya, semalam.*

Info

Peugeot 208 dan 2008 SUV Puretech

→ **Enjin 1.2 liter Puretech 112PS** dan kilasan 205 Nm
→ **Cekap bahan api pada 4.2 liter** bagi setiap 100 kilometer

Nasim sasar jual 3,600 unit dua model baharu Peugeot

→ Kenderaan kompak, SUV guna enjin berprestasi mampu pikat pembeli

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Nasim Sdn Bhd (Nasim), pengedar rasmi kenderaan Peugeot Malaysia, menyasar menjual sehingga 2,500 unit kenderaan kompak Peugeot 208 Puretech dan 1,100 unit kenderaan utiliti sukan (SUV) Peugeot 2008 Puretech yang dilancarkan semalam.

Kumpulan Automotif Naza Corporation Holdings, Datuk Samson Anand George, berkata sasaran penjualan dua model ini adalah 44 peratus daripada sasaran jualan tahunan syarikat itu.

"Syarikat yakin dua model yang baru dilancarkan ini mampu memikat hati penggu- dengan rekaan yang eksklusif, versatil dan mencerminkan karisma sinonim Peugeot.

Guna teknologi terbaru

"Peugeot sentiasa berada di hadapan dalam inovasi dan teknologi automotif, disebabkan itu untuk dua model terbaru ini kita menggunakan enjin Puretech yang pernah memenangi anugerah enjin terbaik," katanya pada majlis pelancaran model itu di Petaling Jaya semalam.

Teknologi enjin baharu itu mampu memberikan penjimatan minyak kepada pengguna sehingga perjalanan sejauh 1,190 kilometer untuk satu isian penuh.

Enjin Puretech 1.2 liter yang menjana output kuasa kilas 112PS dan 205Nm, kotak gear automatik enam kelajuan yang dilengkapi teknologi quickshift dan penggunaan tenaga sebanyak 4.2 liter bagi setiap 100 kilometer.

Selain itu, model ini juga menggunakan teknologi 'stop & start' terbaru yang memberikan kawalan menyeluruh terhadap penggunaan bahan api dan pelepasan karbon dioksida.

Teknologi ini mampu memberikan manfaat penggunaan bahan api sebanyak 15 peratus ketika pemanduan di jalan ibu kota dan pencucuhan semula 40 peratus lebih pantas.

Harga atas jalan Peugeot 208 Puretech adalah RM89,888 manakala bagi Peugeot 2008 SUV Puretech adalah RM109,888.

SunREIT beli tanah di Shah Alam

Sunway Real Estate Investment Trust (SunREIT) memeterai perjanjian jual dan beli bersyarat dengan Champion Edge Sdn Bhd untuk membeli sebidang tanah pegangan pajak bersama bangunan di atasnya di Shah Alam, dengan harga RM91.5 juta.

Dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia, SunREIT berkata cadangan pembelian itu adalah sejajar dengan objektif utama pelaburan untuk membeli dan melabur dalam hartanah membuahkan hasil.

Tambah baik pendapatan

"Cadangan pembelian itu dijangka memberi manfaat kepada pemegang unit dengan menambah baik pempelbagaian portfolio aset kami, serta, meningkatkan lagi sumber pendapatan sewa yang diterima ketika ini," kata syarikat itu.

Rasional lain bagi cadangan pembelian itu termasuk menambah baik pendapatan dan pengagihan seunit kepada pemegang unitnya, serta meningkatkan kestabilan pendapatannya menerusi arus pendapatan mapan bagi tempoh pajakan belum tamat 18 tahun.

"Cadangan pembelian tidak dijangka memberi sebarang kesan ketara kepada pendapatan SunREIT bagi tahun kewangan yang berakhir 30 Jun, 2017.

"Ia dijangka menyumbang kepada pendapatan SunREIT bagi tempoh jangka panjang," kata syarikat itu. **BERNAMA**